

Keluarga terkejut Musa dilantik menteri

UM 13 DEC 1999

Oleh
RAMLI ABDUL KARIM

TELUK INTAN 12 Dis. — Pelantikan bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Tan Sri Musa Mohamed, sebagai Menteri Pendidikan yang baru memajukan "ah& keluarganya di sini dan menganggapnya sebagai di luar dugaan.

Bagaimanapun, mereka berkeyakinan tinggi Musa mampu menjalankan tugasnya dengan baik berdasarkan prestasi beliau sewaktu berkhidmat di USM.

Bapa Musa, Mohamed Mohd. Amin, 90, berkata beliau tidak menyangka sama sekali mana-mana di kalangan sembilan anaknya, termasuk Musa yang akan menjadi menteri atau tokoh negara.

Katanya, pelantikan Musa sebagai menteri merupakan sesuatu yang "luar biasa" kerana anaknya itu bukan saja tidak menjadi calon pilihan raya, malah, tidak pernah bergiat dalam bidang politik.

"Petang itu (Jumaat), saya tidak tengok siaran langsung pengumuman kabinet di televisyen. Saya sedang beri ayam makan di belakang rumah semasa Musa telefon pada pukul 5 petang.

"Saya terperanjat bila Musa beritahu dilantik jadi menteri. Saya bersyukur kepada Allah dan menasihatkan Musa supaya bekerja kuat, jujur dan amanah... lebih-lebih lagi jawatan Menteri Pendidikan cukup penting," katanya.

Beliau yang masih jelas penglihatan dan mampu mendengar tetapi terpaksa berjalan menggunakan tongkat, ditemui di rumahnya di Taman Seri Setia di sini hari ini.

Mohamed merupakan seorang bekas guru yang berkhidmat sehingga tahun 1969 di Sekolah Kebangsaan (SK) Bagan Datoh, SK Simpang Tiga (Rungkup) dan terakhir SK Sungai Sumun, semuanya di Bagan Datoh, Perak, tempat kelahiran Musa.

Musa, 56, merupakan anak kelima daripada sembilan adik beradik dan an-

tara yang paling berjaya dalam keluarganya.

Abangnya, Datuk Abdul Majid, merupakan bekas Duta Besar Malaysia di Washington, Amerika Syarikat.

Manakala adiknya, Hamzah, ialah Pengarah Akademi Laut Malaysia (ALAM) di Melaka; Asisten Komisioner Hamdan (Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Sabah); dan Hamidah (Pengetua Sekolah Menengah Tun Abdul Razak, Selekoh, Bagan Datoh).

Dalam pada itu, Mohamed mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang memberi kepercayaan kepada Musa untuk menyanggah jawatan Menteri Pendidikan.

"Jika Musa ingin meminta nasihat daripada saya, sebagai bekas guru, saya akan bantu. Saya yakin beliau boleh keja dengan baik sebab dia tegas dan rajin," ujarnya.

Abang Musa, Arifin, 62, berkata seluruh ahli keluarga berjanji memberi sokongan moral dan dorongan penuh kepada Musa sepanjang menjadi Menteri Pendidikan.

Katanya, walaupun terkejut dengan pelantikannya itu, mereka tetap yakin bahawa Musa mampu memikul amanah yang diberi.

"Kami berdoa Musa dapat menjalankan tugas dengan baik dan memanfaatkan pengalamannya di USM untuk memantapkan kerjaya di Kementerian Pendidikan," tambahnya.